

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah pelajar MARA yang berada di luar negara semasa COVID-19 dan adakah pihak MARA akan memanggil pulang pelajar berkenaan untuk meneruskan pengajian mereka di dalam negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Pelajar tajaan MARA yang melanjutkan pengajian di luar negara semasa pandemik Covid-19 adalah seramai 2,941 pelajar. Setakat 10 Jun 2020 seramai 921 pelajar telah pulang ke Malaysia yang terdiri dari 130 orang pelajar yang telah tamat pengajian dan 791 pelajar yang balik bercuti dengan tanggungan sendiri.
2. MARA tidak mempunyai perancangan untuk memanggil pelajar pulang bagi meneruskan pengajian di dalam negara kecuali mendapat arahan dari Kerajaan negara-negara terlibat. Pelajar diminta untuk kekal berada di kediaman/asrama dan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh pihak kolej/universiti, pihak berkuasa tempatan dan Kedutaan Malaysia sepanjang tempoh sekatan pergerakan atau lockdown berkuatkuasa di negara berkenaan.
3. MARA menasihatkan pelajar supaya sentiasa bertengang dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan amalan kesihatan yang baik. Pelajar dimohon untuk saling bantu-membantu antara satu sama lain khususnya rakan-rakan yang berada dalam kawasan/lokaliti yang sama serta mengikuti perkembangan terkini yang sahih berkaitan perkara ini.